

CNS7151

U GB 10-10 00167 BH047

BAH

KERAJAAN TIDAK AKAN PENUHI SEMUA PERMINTAAN RAKYAT UNTUK POPULAR
Mahathir - Tuntutan

JITRA, 10 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak dapat memenuhi semua permintaan rakyat semata-mata kerana mahu menjadi kerajaan yang popular.

Perdana Menteri berkata, sekiranya kerajaan terlalu mengikut kehendak rakyat, ekonomi negara akan terjejas dan rakyat akan menderita.

Menurutnya, ada pemimpin negara tertentu yang mahu menjadi popular dengan mengikut semua kehendak rakyat sehinggakan ekonomi negara itu merosot, harga barangannya meningkat dan rakyat menderita.

+Sebab itu di Malaysia, kadang-kadang kita tidak layan sesuatu permintaan rakyat kerana kita tahu ia tidak baik untuk jangka panjang walaupun ia tidak akan menjadikan kerajaan itu popular,+ katanya ketika berucap merasmikan serentak Program Malaysia Prihatin Peringkat Kebangsaan, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Jitra dan Perhimpunan Belia Peringkat Negeri di IKBN di sini hari ini.

Beliau berkata, setiap keputusan yang dibuat oleh kerajaan bukan berasaskan kepada kepentingan diri pemimpinnya tetapi berasaskan kepada kepentingan negara. -- Lagi.

♥10/10/19-58MST

CNS7155

U GB 10-10 00170 BH048

BAH

Mahathir - Tuntutan 2 Jitra (Akhir)

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia bernasib baik kerana pertumbuhan ekonomi negara meningkat dengan pesat pada kadar 10 peratus sedangkan banyak negara membangun lain mengalami kemerosotan ekonomi.

Beliau berkata, rakyat perlu bersikap positif tanpa memikirkan kepentingan diri sendiri dan bertanggungjawab, selaras dengan program Malaysia Prihatin yang dilancarkan hari ini.

Mengenai Wawasan 2020, beliau berkata, kerajaan merangka rancangan itu setelah rancangan lima tahunnya dan rancangan jangka panjang 20 tahun sebelum ini dilaksanakan dengan sempurna.

Beliau berkata, berdasarkan kepada kejayaan itu, tidak mustahil Malaysia akan mencapai tahap negara maju dalam tempoh 30 tahun akan datang.

Beliau kesal kerana terdapat segelintir penuntut universiti di negara ini yang +tidak tahu berterima kasih+ dengan mengadakan kempen memburuk-burukkan kerajaan.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Kedah, Tan Sri Haji Osman Aroff dan Menteri Belia dan Sukan, Senator Haji Annuar Musa. -- Bernama.

♥10/10/20-00MST